




UT



Semua penduduk sudah menjalani pemeriksaan dan diambil sampel darah mereka untuk pemeriksaan mikroskopi bagi mengesan jangkitan malaria, sama ada mereka mempunyai gejala jangkitan atau tidak”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Petugas Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Perak memasang kelambu berubat di Hospital Gerik yang menempatkan pesakit Orang Asli yang dijangkiti Malaria di Pos Kemar, November lalu.

137 penduduk Pos Kemar disahkan positif malaria

BH
24/12/16
mls 17

➔ Statistik antara 16 November hingga Rabu lalu turut babitkan 79 kanak-kanak

oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

✦ **Putrajaya**

Seramai 137 penduduk di Pos Kemar, Hulu Perak, termasuk 79 kanak-kanak didapati positif malaria, antara 16 November hingga Rabu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 136 kes membatikan positif malaria spesies *Plasmodium vivax* (P Vivax) dan satu kes *Plasmodium falciparum*.

Katanya, sehingga Rabu lalu juga sebanyak 724 atau semua rumah di kawasan itu sudah disembur racun pembunuh nyamuk dan penduduk dibekalkan kelambu berubat.

“Aktiviti kawalan turut diperkukuhkan melalui larvaciding bagi mencegah pembiakan nyamuk *Anopheles* (nyamuk tiruk) di Pos Kemar.

“Selain itu, penduduk juga dinasihati supaya mengambil

langkah pencegahan gigitan nyamuk apabila berada di luar rumah, seperti memakai baju berlengan panjang dan berse-luar panjang, menyapu ubat repelen nyamuk dan menggunakan kelambu berubat jika bermalam di luar rumah,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, Pos Kemar adalah kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan bebas malaria (kawasan hijau) berikutan tiada kes malaria dilaporkan di kawasan ini sejak lebih daripada tiga tahun lalu.

Ambil sampel darah

“Bagi mengekang penularan jangkitan ini, aktiviti pemeriksaan darah beramai-ramai dilakukan bagi mengesan kes lain.

“Sehubungan itu, semua penduduk sudah menjalani pemeriksaan dan diambil sampel darah mereka untuk pemeriksaan mikroskopi bagi mengesan jangkitan malaria, sama ada mereka mempunyai gejala jangkitan atau tidak,” katanya.



Keratan akhbar
BH 22 November
lalu.